

# Nama lima menteri diserahkan kepada TPM

UM 2 2 OCT 2001

Oleh LAUPA JUNUS

**K**UALA LUMPUR 21 Okt. — Ahli Parlimen Kinabatangan dari Barisan Nasional (BN), Datuk Bung Mokhtar Radin hari ini berpendapat sekurang-kurangnya lima menteri Kabinet yang perlu diambil tindakan termasuk memecat kerana didakwa gagal menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan cekap.

Beliau yang enggan menamakan menteri-menteri terbabit bagaimanapun berkata, senarai nama mereka akan diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu pertemuan dengan ahli-ahli Parlimen BN di sini, esok.

"Tunggulah... dan saya akan serahkan kepada Timbalan Perdana Menteri, sekiranya beliau meminta (senarai nama) dalam pertemuan esok," katanya.

Abdullah dijangka mengadakan pertemuan dengan semua ahli Parlimen BN esok antara lain bagi membincangkan soal tata cara perbahasan dalam Dewan.

Bung Mokhtar berkata, dua faktor yang dianggap sebagai kegagalan menteri menjalankan tugas ialah lewat menjawab sebarang surat atau langsung tidak menjawab surat yang dikemukakan serta kakitangan kementerian terlalu banyak birokrasi dalam urusan berkaitan projek kerajaan.

"Kita dapati perkara ini berlaku berdasarkan pemerhatian kita dan laporan yang diterima," katanya kepada *Utusan* hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai ucapannya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan di Dewan Rakyat pada Rabu lepas yang menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir

Mohamad mengambil tindakan tegas dengan memecat menteri-menteri yang gagal menjalankan tugas.

Selain Bung Mokhtar, dua lagi wakil rakyat BN iaitu Datuk Mohamad Aziz (Sri Gading) dan Datuk Dr. Yusof Yacob (Sipitang) turut menyuarakan pendapat yang sama.

## Hubungan

Ditanya kemungkinan tindakan beliau itu akan menyebabkan hubungan kurang baik antara menteri dan wakil-wakil rakyat, Bung Mokhtar berkata, beliau tidak ada agenda di sebalik kenyataan yang dibuatnya, sebaliknya ia bertujuan memperbetulkan keadaan demi kepentingan rakyat.

Bung Mokhtar menambah, beliau juga bersedia menerima apa-apa tindakan berikutan kenyataannya itu.

Sementara itu, Dr. Yusof yang dihubungi menjelaskan, beliau tidak bermaksud supaya menteri dipecat kerana gagal menjalankan tugas, sebaliknya mahu supaya mana-mana kakitangan kerajaan yang gagal menjalankan tugas ditukar dengan kakitangan lain yang lebih cekap.

"Semasa perbahasan saya menyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh banyak projek terbengkalai berpunca daripada kegagalan pegawai kerajaan menjalankan tugas," katanya.

Justeru, menurut beliau, mana-mana kakitangan perlu ditukar dengan mereka yang lebih cekap dan bukan meminta kakitangan terbabit berhenti.

"Kemungkinan kakitangan terbabit tidak sesuai di jabatan berkenaan menyebabkan mereka gagal memahami prosedur kerja dan perlu ditukar," tegasnya.